


Ogos 25, 2024

Hai isteri, tunduklah kepada suamimu seperti kepada Tuhan, kerana suami adalah kepala isteri sama seperti Kristus adalah kepala jemaat. Dialah yang menyelamatkan tubuh. Kerana itu sebagaimana jemaat tunduk kepada Kristus, demikian jugalah isteri kepada suami dalam segala sesuatu. Hai suami, kasihilah isterimu sebagaimana Kristus telah mengasihi jemaat dan telah menyerahkan diri-Nya baginya untuk menguduskannya ...

Efesus 5: 22- 26

[www.heraldmalaysia.com](http://www.heraldmalaysia.com)

## Bonda Tuhan bukan “patung lilin yang tidak bergerak”



VATIKAN: Santa Perawan Maria yang Terberkati sentiasa mendahului kita dalam perjalanan.

Merenungkan bab pertama Injil Lukas yang menceritakan pertemuan antara Perawan Maria dan sepupunya Elizabeth, Sri Paus mengingatkan para penziaroh yang berhimpun di Dataran Sto Petrus bahawa Bonda Tuhan bukanlah “patung lilin yang tidak bergerak” tetapi “wanita yang bergerak mengikuti Yesus sebagai murid kerajaan itu.”

Sri Paus Fransiskus berkata demikian selepas doa Angelus sempena pada Ogos 15, sempena Hari Raya Besar Pengangkatan

Santa Perawan Maria ke Syurga.

Bapa Suci berkata Maria, wanita muda dari Nazareth ini ialah contoh bagi semua orang Kristian yang berkongsi keinginan yang sama untuk mewartakan kegembiraan Yesus Kristus dengan orang-orang di sekeliling kita.

“Betapa indah ungkapan Injil ini, Maria berangkat dan pergi (Luk 1:39). Ini bermakna Maria tidak menganggap berita yang diterimanya daripada malaikat sebagai satu keistimewaan sebaliknya, dia meninggalkan rumah dan berangkat dengan tergesa-gesa.”

Sri Paus Fransiskus juga menekankan

realiti bahawa kehidupan setiap orang di bumi adalah perjalanan berterusan menuju pertemuan terakhir dengan Tuhan, di mana kita tidak bersendirian tetapi ditemani oleh Bonda Tuhan, yang mengakhiri ziarah dunianya dengan Kenaikan ke syurga (*Assumption*) di mana “bersama-sama dengan Puteranya, dia menikmati kegembiraan hidup kekal selama-lamanya”.

“Perawan Terberkati ialah dia yang mendahului kita dalam perjalanan, mengingatkan kita bahawa kehidupan kita juga merupakan perjalanan berterusan menuju ufuk pertemuan terakhir dengan Tuhan,” kata Sri Paus Fransiskus. — CNA

# Bapa Suci kecam krisis kemanusiaan yang teruk di Gaza

**TAKHTA SUCI:** Selepas doa Angelus pada Hari Raya Pengangkatan Perawan Maria ke Syurga, Sri Paus Fransiskus meluahkan kesedihannya ke atas penderitaan di banyak bahagian dunia akibat konflik dan peperangan. Prelatus itu mengenang kesengsaraan rakyat Ukraine, Timur Tengah, Palestine, Israel, Sudan, dan Myanmar.

Prelatus itu berdoa agar “Maria Ratu Damai, yang kita rayakan hari ini dalam kemuliaan Syurga,” mendoakan semua yang menderita agar mendapat semua penghiburan serta masa depan yang tenang dan harmoni.”

### Keadaan kemanusiaan yang teruk di Gaza

Bapa Suci berdoa khususnya untuk rakyat Gaza yang menderita di mana krisis kemanusiaan telah mencapai tahap bencana.

Prelatus itu merayu untuk “gencatan senjata di semua bidang, untuk pembebasan tebusan, dan untuk bantuan kepada penduduk yang keletihan.”

Sri Paus Fransiskus juga menggalakkan setiap usaha untuk mengelakkan sebarang peningkatan dalam konflik dan supaya “lalu-lan runtingan” diteruskan agar tragedi ini dapat dihentikan. Sangat Papa mengu-

langi pesannya yang mengingatkan semua bahawa perperangan sentiasa menandakan kekalahan.

“Saya terus mengikuti dengan prihatin situasi kemanusiaan yang sangat serius di Gaza dan saya menyeru sekali lagi untuk gencatan senjata di semua pihak, agar tebusan dibebaskan segera dan untuk bantuan kepada penduduk yang keletihan.

“Saya menggalakkan semua orang untuk melakukan segala usaha untuk memastikan konflik tidak meningkat dan meneruskan jalan rundingan supaya tragedi ini berakhir segera! Jangan kita lupa: perang adalah kekalahan.”

### Berdoa untuk anugerah keamanan

Pada Hari Raya Besar Pengangkatan Santa Perawan Maria Ke Syurga, Custos Tanah Suci, Fr Francesco Patton, merayakan Misa di Bukit Zaitun di Yerusalem dan menggemarkan rayuan Sri Paus untuk menamatkan konflik.

Homilinya menggambarkan keadaan tragis yang dialami tanah itu selama sepuluh bulan yang lalu dan dia mempercayakan Bonda Maria kerinduan rakyat yang menderita untuk perdamaian.

Patriark Latin Jerusalem, Kardinal Pierbattista Pizzaballa, mengajak semua orang untuk berdoa bersungguh-sungguh untuk perdamaian dan keamanan pada Hari Raya Besar Santa Perawan Maria itu serta kelancaran rundingan gencatan senjata Gaza yang berlangsung di Doha pada hari tersebut.



Ratapan wanita Palestine yang kehilangan orang tersayang (Media Vatikan).

### Kematian di Gaza lebih 40 ribu

Kementerian kesihatan Gaza melaporkan pada Ogos 15 lalu bahawa serangan tentera Israel di Semenanjung Gaza telah membunuh lebih 40 ribu rakyat Palestine dan mencederakan lebih 92,400, sejak serangan Hamas di Israel pada Ogos 27

yang mengorbankan 1,200 orang dan dengan mengambil 251 tebusan. Agensi bantuan menganggarkan sehingga 21 ribu kanak-kanak hilang dan mungkin terperangkap di bawah runtuhan atau tertimbuk dalam kubur tanpa nisan. — media Vatikan

# Cintai Gereja anda sendiri dan cintai Gereja sesama

**S**aya mengajar Kerohanian di Sekolah Teologi Oblate di San Antonio, Texas. Lima belas tahun yang lalu, kami mula menawarkan PhD dalam Kerohanian. Selama 15 tahun itu, kami mempunyai pelajar kedoktoran dari banyak denominasi Kristian yang berbeza iaitu Protestan, Evangelis, Episcopalian/Anglikan dan Roman Katolik.

Selama lima belas tahun itu, tidak seorang pun di antara pelajar kami yang menukar agama dari denominasinya kepada denominasi lain.

Sebaliknya, setiap pelajar telah meninggalkan sekolah ini dengan komitmen yang lebih teguh terhadap denominasi mereka sendiri dan pemahaman yang lebih mendalam tentang denominasi Kristian yang lain. Kami berbangga dengan itu. Itu salah satu matlamat program kami.

Sejak Reformasi Protestan, orang Kristian telah melalui lima ratus tahun salah faham dan curiga antara satu dengan yang lain.

Setiap kita cenderung beranggapan bahawa kita tergolong dalam denominasi Kristian yang benar dan kita juga mendesak seseorang meninggalkan denominasinya untuk menyertai denominasi kita.

Mujurlah, keadaan telah berubah, walaupun masih ramai orang yang mendakwa denominasi mereka paling benar.

Visi baharu mulai timbul di mana ramai orang lebih menerima dan melihat satu sama lain dari paradigma berbeza, yang lebih baik dan lebih bersemangat persahabatan, berbanding dahulu.

Kita mula menyedari bahawa jalan menuju perpaduan, meskipun wujud perbezaan itu dan doktrin tetapi perpaduan bukan terletak pada pendirian, ‘Anda salah, dan kami betul’.

Sebaliknya kita melihat apa yang kita kongsi bersama sebagai orang Kristian dan manusia adalah sangat penting serta menyru kita agar tidak terbahagi atau berpisah.

Apakah persamaan yang kita kongsi sehingga menenggelamkan sebarang dogma, eklesiologi, struktur kuasa atau salah faham

sejarah yang memisahkan kita selama ini?

Kita berkongsi perkara ini bersama: satu permulaan, satu alam, satu bumi, satu langit, satu hukum graviti, satu kerapuhan, satu kematian dunia, satu keinginan, satu matlamat, satu takdir, satu jalan, satu Tuhan, satu Yesus, satu Kristus, satu Roh Kudus.

Dan semua ini membawa ajakan dan keharusan: cintai gereja anda sendiri dan cintai gereja sesama anda juga.

Seseorang mungkin membantah, bagaimana dengan perkara-perkara yang salah dilakukan oleh gereja di kejiranannya? Diakui itu ini memang ada. Walau bagaimanapun, perlu diakui, Gereja juga tidak lari melakukan kesalahan begitu juga denominasi lain.


Sarjana agama terkenal, Huston Smith menegaskan, kita harus menilai agama lain atau denominasi Kristian lain bukan berdasarkan berita-berita buruk tentangnya tetapi menilainya dari segi ungkapan-ungkapan terbaik, seperti orang-orang kudusnya.

Maka kita semua boleh meneladani Gereja lain, orang kudus mereka dan kekayaan khusus mereka untuk memperkaya kerasulan kita sendiri dalam Kristus.

Peter Halldorf, seorang Kristian Sweden/Evangelikal/Ortodoks, dalam buku baharunya, *To Love Your Neighbour's Church as Your Own*, mengajukan soalan ini: “Apakah yang dimaksudkan dengan mengasihi Gereja jiran saya dan juga Gereja saya?”

Bolehkah seorang Pentakosta meneladani seorang Roman Katolik untuk memperkaya pengalaman imannya sendiri? Bolehkah orang Katolik Roma meniru Pentakosta dalam hal yang sama?”

Jujurnya, kita perlu mengakui bahawa kita perlu belajar daripada satu sama lain. Oleh itu, kita seharusnya tidak menjauhkan diri antara satu sama lain dan mula bercakap tentang “pertumbuhan bersama” bukannya percubaan menarik lebih ramai umat ke denominasi kita. Roh menjemput kita untuk bersatu dalam rasa hormat dan



dalam ke-rendahan hati bersama, tanpa sikap curiga atau kemenangan. Dalam Roh Kudus, rasa tidak percaya boleh diatasi.

Bagaimana kita boleh bersatu dengan cara itu? Ahli teologi terkenal, Avery Dulles mencadangkan bahawa jalan menuju ekumenisme bukanlah melalui proses menukar agama seseorang agar mengikut agama kita.

Perpaduan di antara gereja-gereja Kristian tidak akan berlaku jika ada denominasi yang cuba menukar agama denominasi lain untuk menyertai denominasi Kristian mereka.

Dulles menyatakan, memaksa denominasi lain untuk menganut agama denominasi tertentu, bukan sahaja tidak realistik tetapi ia juga bukan ideal kerana tidak ada satu denominasi Kristian yang memiliki kebenaran penuh.

Sebaliknya kita masih dalam perjalanan ziarah. Semoga dengan ketulusan hati, perjalanan ziarah ini dapat menuju kebenaran yang penuh, menuju kerasulan yang lebih bermakna kepada Tubuh Kristus di bumi ini.

Oleh itu, jalan menuju ekumenisme untuk menjadi kesatuan gereja-gereja Kristian kepada kesatuan di meja Ekaristi, terletak pada setiap daripada kita.

Kita harus berubah, bertumbuh lebih setia dalam kerasulan kita sendiri, memberikan ekspresi yang lebih tulus tentang Tubuh Kristus, supaya apabila setiap daripada kita bertumbuh lebih setia kepada Kristus, kita akan mendapat diri kita secara berperingkat, datang bersama-sama, lebih fokus, lebih berkembang dan semakin bersatu menjadi sebuah keluarga.

Kenneth Cragg pernah mencadangkan sesuatu yang serupa. Selepas bekerja sebagai misionari Kristian di kalangan orang Islam, semua agama di dunia akan memberikan ekspresi penuh dan mendalam tentang Kristus.

Sudah tiba masanya untuk meninggalkan salah faham selama lima ratus tahun dan tiba masanya untuk merangkul satu sama lain sebagai rakan ziarah kita yang berjuang dalam perjalanan bersama menuju kerajaan Tuhan. — *Hakcipta Terpelihara 1999-2024 @ Fr Ron Rolheiser*

## Apakah kamu juga akan meninggalkan Aku?

**S**etelah mendengarkan pelbagai ucapan Yesus, antara lain tentang roti hidup, iaitu diri-Nya sendiri, ternyata nanti salah seorang murid-Nya akan mengkhianati Dia (Yudas Iskariot).

Bahkan kemudian “banyak murid-murid-Nya mengundurkan diri dan tidak lagi mengikuti Dia” (Yoh 6:66).

Demikianlah jumlah pengikut Yesus makin berkurangan, apatah lagi apabila ramai yang menyedari bahawa menjadi pengikut Yesus ternyata makin jelas dan makin berat!

Keterangan apa pun yang diberikan oleh Yesus tentang diri-Nya, semakin lama semakin ramai yang meninggalkan Dia!

Yohanes menulis “murid-murid-Nya mengundurkan diri dan tidak lagi mengikuti Dia”.

Murid-murid itu terdiri daripada orang banyak yang mengenal Yesus dan dikenali oleh Yesus. Maka Yesus mengumpulkan keduabelas murid yang telah dipanggil-Nya dan terus terang bertanya kepada mereka: “Apakah kamu pun tidak mahu pergi juga?” (ay.67).

Mewakili keduabelas murid Yesus, Petrus menjawab: “Tuhan, kepada siapa kami akan pergi? Perkataan-Mu adalah perkataan hidup yang kekal” (ay. 68).

Dalam Injil Markus, ada sebuah peristiwa iaitu ketika Yesus bertanya kepada murid-murid-Nya: “Kata orang, siapakah Aku ini?”

Mewakili murid-murid lainnya waktu itu, Petrus menjawab: “Engkau adalah Mesias” (Mrk 8:27-30). – Dalam dua peristiwa ini, tercetuslah suatu pertanyaan mendasar yang harus dijawab dengan tepat dan benar: Siapakah Yesus itu sebenarnya?

Apakah pesan Injil Yohanes hari ini kepada kita? Ajaran Yesus Kristus yang sangat mendalam tetapi masih ramai orang yang tidak percaya atau tidak yakin. Sehingga hari ini, ajaran Yesus yang disampaikan melalui Gereja, masih ramai yang menganggap-Nya sebagai aneh, janggal, kuno, malahan dianggap bertenungan dengan hal-hal yang masuk akal.

Bagaimanapun, ajaran Kristus yang telah lebih dari dua puluh abad, yang diyakini dan diwartakan oleh Gereja, ada-

lah benar dan tidak ada paksaan.

Masalahnya terletak pada manusia, yang beriman lemah. Ajaran Kristus seperti yang dinyatakan dalam Kitab Suci dan difahami menurut ajaran Gereja, iman kita tidak boleh mengenal sikap acuh tak acuh.

Iman adalah sesuatu yang serius. Yesus dengan tegas berkata: “Setiap orang yang mengakui Aku di depan manusia, Aku juga akan mengakuinya di depan Bapa-Ku yang di surga. Tetapi sesiapa menyangkal Aku di depan manusia, Aku juga akan menyangkalnya di depan Bapa yang di syurga” (Mat 10:23-33).

Nah, di dalam hidup kita sekarang ini penuh dengan pelbagai bentuk cabaran.

Dewasa ini, dalam masyarakat moden, kita menghadapi kesukaran menerima dan memahami ajaran Yesus dan Gereja. Ramai orang ragu-ragu dengan hidup keagamaannya.

Andai Yesus bertanya soalan ini, apakah jawaban kita? “Apakah kamu juga akan meninggalkan Aku?”

Beranikah kita seperti Petrus menjawab kepada Kristus: “Tuhan, kepada siapa

**HARI MINGGU  
BIASA KE-21**

**TAHUN B**

**YOSUA 24:1-2A.15-17.18B**

**EFESUS 5:21-23**

**INJIL YOH 6:60-69**

kami akan pergi?”

Mengikuti Yesus dan ajaran-Nya seperti ditawarkan oleh Gereja memang tidak mudah dan tidak selalu menyenangkan, bahkan sering dianggap sukar difahami.

Tetapi itulah juga yang dialami murid-murid Yesus pada zaman-Nya. Ada satu hal penting yang harus kita perhatikan, iaitu hal-hal hidup kekal tidak ada jalan alternatif! Inilah makna kata Yesus: Aku adalah Roti Hidup.

Berbahagialah orang yang sungguh mahu mengikuti Yesus, menjadi murid-Nya yang sejati dan ingin hidup bersama Dia bukan dalam hidup sekarang ini sahaja, tetapi bersama Dia dalam hidup kekal untuk selamanya. Yesus adalah Roti Hidup kita seluruhnya! — *Msgr F.X. Hadisumarta O.Carm, iman Katolik*

KENINGAU: Kita seharusnya mempunyai sikap berterima kasih, terutama mereka yang telah merintis jalan kepada perkembangan pelayanan kita kepada Tuhan,” gesa Uskup Cornelius Piong semasa menjadi selebran Misa Kudus kesyukuran Ulang Tahun Penubuhan Kongregasi Franciscan Sisters of the Immaculate Conception (FSIC) yang ke-88 tahun dan memperingati kematian Msgr August Wachther, bapa pengasas kongregasi FSIC pada Ogos 6, di Rumah Retret Keuskupan Keningau, Tatal.

Turut hadir dalam Misa Kudus itu ialah Mother General FSIC, Sr Francisca Wong, para sister FSIC, para anggota Secular Franciscan Order (SFO) dan umat di sekitar Rumah Retret Keuskupan Keningau, Tatal.

“Mengenang mereka yang pernah memberikan sumbangan besar tetapi telah mendahului kita, masih kurang diamalkan dalam komuniti kita di Keuskupan Keningau.

Oleh sebab itu, upacara pada hari ini sangat bertepatan dan bersesuaian sebagai tan-



da menghargai pengorbanan mereka selama ini,” kata Uskup Cornelius Piong semasa homili.

Prelatus itu mengatakan, Msgr August Wachther pasti mendengar suara Tuhan bahawa apa yang diperlukan di Sabah ialah sebuah komuniti yang melayani umat.

“Dari inspirasi tersebutlah saya percaya Msgr August Wachther telah menubuhkan

Kongregasi FSIC bagi melayani keperluan iman di Sabah,” kata Uskup Cornelius.

Mengulas lanjut, Uskup Cornelius berkata penghargaan kepada Msgr August Wachther bukan sahaja kerana menjadi perintis kepada Kongregasi FSIC tetapi juga kerana menjadi pembuka jalan kepada perkembangan pelayanan di Sabah dan sebagai simbol kesetiaan yang teguh sehingga sanggup

berkorban demi imannya.

Sr Francisca Wong pula semasa menyampaikan ucapan mengucapkan syukur kepada Tuhan kerana rahmat-Nya atas penubuhan FSIC selama 88 tahun.

Mother General FSIC itu juga mengucapkan selamat menyambut ulang tahun Jubli Perak kepada Sr Maria Thomas, FSIC. — *Juanis bin Marcus*

## Pemimpin bersifat hamba untuk mentransformasikan Gereja

KUALA LUMPUR: Mentransformasikan Paroki 2024 (TP24), yang dianjurkan oleh Alpha Hab di Kuala Lumpur sebagai sebahagian daripada Perhimpunan Serantau Alpha (ARG) telah menjemput Uskup Agung Emeritus (ABE) John Ha (*gambar*) dari Kuching sebagai salah seorang penyampai sesi.

ABE John menyampaikan beberapa topik kepimpinan dalam Gereja dan memberi tumpuan mengenai penyerahan (*handover*) tugas kepada pengganti, kepimpinan berhati hamba dan membuat keputusan.

ABE John Ha bermula dengan menceritakan pengalamannya sendiri ketika menyerahkan jabatan keuskupan agung kepada penggantinya, Uskup Agung Simon Poh pada 2017.

Memerhatikan keupayaan uskup yang lebih muda, ABE John merasakan sudah

tiba masanya untuk perubahan dan meminta persetujuan Bapa Suci untuk meletakkan jawatannya di Jabatan Uskup Agung, meskipun belum mencapai usia persaraan mengikut undang-undang kanonik Gereja Katolik.

Prelatus itu juga menceritakan, semasa Misa Kudus pelantikan Uskup Agung Simon Poh sebagai Uskup Agung baharu Kuching pada tahun 2017, satu kejadian tidak dijangka berlaku terhadapnya.

Katanya, semasa beliau mencium altar pada permulaan Misa, salib pectoralnya telah tersangkut di bucu meja dan patah dua.

Prelatus itu melihat kejadian tersebut sebagai tanda sokongan terhadap keputusannya untuk bersara awal.

Dalam hal penyerahan (*handover*) tugas, ABE John memberikan beberapa

petikan Kitab Suci sebagai rujukan iaitu Musa melantik Yosua, Yesus memilih rasul-rasul-Nya dan dalam hal Matias mengantikan Yudas Iskariot.

ABE John menekankan kepentingan kepimpinan bersemangat hamba bahwa pemimpin harus dipenuhi dengan Roh Kudus dan memberi tumpuan kepada pembinaan masyarakat, bukannya mencari populariti.

Beliau menekankan bahawa Roh Kudus memainkan peranan penting dalam pengantian kepimpinan serta berpesan bahwa pemimpin harus mempunyai persediaan yang baik dan rohani untuk melayani.

Jika pemimpin gagal berkhidmat dengan berkesan, penggantian menjadi perlu untuk memenuhi keperluan masyarakat dan meneruskan misi Gereja.

“Kita tahu bahawa Gereja Katolik



menghadapi beberapa cabaran, termasuk kegagalan dalam kalangan kepimpinan tertinggi — misalnya kardinal, uskup, paderi dan religius yang terlibat dalam hal tidak bermoral.

“Tetapi,” tegasnya, “Tuhan tidak pernah mengecewakan kita. Dia memastikan bahawa sentiasa ada pemimpin untuk membimbing kita dan yang komited untuk meneruskan rencana keselamatan-Nya. Sebagai umat Katolik, kita harus kekal tekun dan terbuka kepada Roh Kudus,” kata ABE John Ha pada akhir sesinya.

## Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

**HERALD**  
5, Jalan Robertson,  
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

E-Mel:  
liza@herald.com.my

## Mengapakah Tuhan menurunkan 10 tulah terhadap Mesir?

Salah satu peristiwa penting dalam sejarah keselamatan ialah pembebasan bangsa Israel dari Mesir (eksodus).

Bangsa Israel terjebak dalam perhambaan di Mesir dan Tuhan memanggil Musa untuk membawakan mereka.

Apa yang menarik tentang pembebasan itu ialah CARA Tuhan melakukannya. Tuhan boleh mengutus Musa ke hadapan Firaun untuk menyampaikan pesan-Nya sebaliknya Tuhan memilih cara menggunakan 10 tulah. Mengapakah?

Ini ialah kerana perhambaan yang dialami bangsa Israel di Mesir sudah terlampau, mereka bukan sahaja mengalami perhambaan fizikal malah rohani.

Oleh sebab itu, bangsa Israel perlu melaikan diri bukan hanya dari Mesir, namun juga daripada penyembahan berhala.

Perintah Tuhan yang pertama ialah supaya bangsa Israel diizinkan untuk pergi ke padang gurun tiga hari perjalanan jauhnya untuk mempersembahkan korban (Keluaran 3:18). Mengapakah bangsa Israel perlu mempersembahkan korban di padang gurun bukannya di Mesir saja?

Ini ialah kerana orang-orang Mesir hanya menyembah dewa-dewa. Seandainya bangsa Israel mempersembahkan korban haiwan di kota Mesir, mereka akan dilempari batu (Keluaran 8:26).



*Serbuan belalang tulah kelapan terhadap Mesir.*

Maka langkah pertama dalam eksodus ialah membebaskan bangsa Israel dari penyembahan berhala.

Mengetahui bahawa Firaun akan menolak perintah ini, Tuhan sendiri mempersebahkan korban-korban ini secara simbolik iaitu melalui 10 tulah.

Setiap tulah itu sebenarnya mewakili para dewa Mesir. Contohnya, tulah pertama: mengubah air menjadi darah. Tulah ini ditujukan kepada dewa Mesir yang bernama Hapi, Dewa Sungai Nil. Tulah katak mewakili dewi Haqet yang digambarkan sebagai katak.

Tulah ketiga dan keempat iaitu nyamuk dan lalat besar mungkin ditujukan kepada Uatchit, dewa yang digambarkan seperti *tawon ichneumon* (serangga yang bentuknya seperti ular bersayap).

Tulah kelima, kematian pada haiwan ternakan, mewakili Apis dan Hathor, dewa-dewi yang digambarkan berkepala sapi.

Tulah barah dan luka menunjukkan ketidakberdayaan atau keterbatasan Sekhmet, berhala yang dianggap dewi penyembuh, atau mungkin juga Thoth, dewa yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan kedoktoran.

Tulah hujan ais ditujukan pada Nut, dewi langit. Tulah kelapan ialah serbuan belalang. Inilah hukuman bagi Senehem, dewa berkepala belalang.

Tulah kesembilan ialah gelap gelita selama tiga hari, yang ditujukan kepada beberapa dewa matahari di antaranya Ra, Aten dan Atum.

Dan tulah yang terakhir ialah kematian anak lelaki sulung yang menunjukkan ketidakberdayaan Osiris, dewa kehidupan dan pelindung Firaun.

10 tulah di Mesir ialah penghakiman atas praktik penyembahan berhala bangsa Mesir (Bilangan 33:4), di mana Tuhan menyatakan diri-Nya lebih agung dan tidak boleh dibandingkan dengan berhala kerana Dia ialah Tuhan yang benar dan hidup. — *Aleteia*


# Sahabat Kecil Yesus

Perkataan-Mu  
adalah  
perkataan  
hidup yang  
kekal  
(Yoh 6:68)



**LENGKAPKAN AYAT DI BAWAH UNTUK MEMBACA  
PESAN INJIL PADA HARI INI.**

O =   
R =   
A =   
D =   
I =   
U =   
P =   
H =



Perkataan-perkataan yang Ku katakan  
kepadamu adalah

DAN

(Yoh 6: 63)

Hello adik-adik,

Dalam pembacaan pertama hari Minggu ini, Yosua memberitahu umat bahawa mereka harus memilih Tuhan yang benar, bukan berhala.

Dalam Injil pula, kita mendengar bahawa ada ramai pengikut Yesus yang meninggalkan Dia. Mereka meninggalkan Yesus kerana mereka sukar menerima ajaran Yesus. Namun 12 Rasul-Nya memilih untuk tinggal dan setia

bersama Yesus.

Sto Petrus mengatakan, "Tuhan, kepada siapakah kami akan pergi? Perkataan-Mu adalah perkataan hidup yang kekal; dan kami telah percaya dan tahu, bahawa Engkau adalah Yang Kudus dari Tuhan."

Adik-adik, marilah kita memohon dari Roh Kudus untuk menguatkan iman kita dalam mengikuti Yesus.

Salam Sayang  
Auntie Melly



**Cari TUJUH  
perbezaan  
pada gambar  
ini:**

Isikan dialog Sto Petrus kepada Yesus apabila Yesus bertanya apakah mereka akan meninggalkan Dia?



**1. Tuhan, biar kami tinggal seminggu dua lagi di sini...**

**2. Tuhan, kami ingin pergi sekarang kerana ajaran-Mu sukar difahami!**

**3. Tuhan, kepada siapakah kami akan pergi? Perkataan-Mu adalah perkataan hidup yang kekal;**

**4. Tuhan, kami tidak mahu pergi melainkan Engkau menyediakan kami roti hidup setiap hari!**

# BELIA MILENIUM

**Hanya Roh Kudus yang dapat mengubah hati keras jadi hati yang taat**

CHERAS: Kaum muda sering terperangkap dalam kekeliruan akibat pergelutan duniaawi.

Pembaharuan Karismatik Katolik untuk belia yang diadakan di Gereja St Francis of Assisi pada Ogos 3 lalu, menyeru para belia untuk kembali kepada Tuhan dan menghidupkan kembali api iman mereka.

Dikendalikan oleh dua orang penceramah, Norman Bismar dan Michelle Ann, pengasas Pelayanan Ablaze, mengatakan pada masa ini, di mana orang mencari-cari kenikmatan duniaawi (*hedonisme*) dan tidak lagi memikirkan tuntutan Tuhan agar menjadi manusia yang lebih spiritual, perlu memperbaharui fikiran dan kelakuan dengan membiarkan dirinya dikuasai dan ditutup oleh Roh Kudus.

Hanya rahmat Tuhanlah yang dapat mengubah manusia duniaawi menjadi manusia rohani. Hanya Roh Kudus yang dapat



mengubah hati yang keras menjadi hati yang taat. (Yeh 36:26).

Para peserta juga diingatkan bahawa, "Kita telah dipilih olehNya. Tuhan telah menunjukkan kepada kita kasih-Nya melalui para

nabi, raja-raja, dan juga kematian putera-Nya. Oleh itu, sebagai umat Katolik, kita berada di dunia ini untuk menjalani kehidupan yang memuliakan Tuhan."

Para peserta seronok menjalani semua

sesi dan aktiviti dengan acara tersebut.

Mereka disegarkan dengan kenyataan bahawa tidak kira ke mana kehidupan membawa kita, kita sentiasa mempunyai Tuhan di pihak kita.

# Pelajar teruja bersua biarawati pertapa Karmelit

**KUCHING:** Persoalan bagaimana kehidupan biarawati Karmelit di biara dan apa yang mendorong seseorang menjadi biarawati terjawab semasa pertemuan dengan para biarawati Karmelit di Biara Carmelite of the Immaculate Heart of Mary baru-baru ini.

31 pelajar dari Sekolah Menengah St Teresa menyertai program "Meet the Carmelite Sisters" selama dua jam setengah di ruang tamu biara Karmelit.

Semasa pertemuan itu, Sr Dominica of the Blessed Trinity dan Sr Evelyn of Mother of Sorrow berkongsi sejarah asal usul Karmelit, tujuan dan panggilan mereka dalam kehidupan biara.

Sr Karen Emmanuel of Jesus on the Cross berkongsi bagaimana beliau mengenal dan menyahut panggilannya untuk menjadi biarawati Karmelit.

Dia gembira untuk meninggalkan kehidupan lamanya bagi menjawab panggilan Tuhan.

Menurut Sr Karen, para biarawati Karmelit cuba memupuk kesedaran yang mendalam tentang kehadiran Tuhan yang



penuh kasih sepanjang hari, percaya bahawa Tuhan sentiasa menemani mereka dalam setiap detik kehidupan mereka.

Katanya, para biarawati Karmelit mempersemprehankan doa, komitmen dan pelayanan mereka kepada Tuhan untuk kebaikan Gereja dan dunia.

Doa adalah aktiviti utama bagi setiap biarawati Karmelit.

Mereka bukan hanya berdoa dalam doa-do rasmi tetapi mereka tidak putus-putus berdoa, yang bermaksud untuk selalu menjaga diri mereka di hadapan Tuhan.

gan mengikuti, mendengar dan membuka hati bagi Yesus membimbing kita.

Pertemuan dengan para biarawati Karmelit itu diakhiri dengan Ibadat Petang di Chapel Karmelit.

Salah seorang pelajar, Irene Alma Anak Irwin mengatakan, "Saya benar-benar menghargai peluang untuk bertemu dengan para biarawati Karmelit".

Sebagai belia Kristian yang sentiasa dihujani persoalan iman, pertemuan ini sangat memperkayakan saya.

Saya mengagumi iman dan dedikasi para biarawati Karmelit dalam berdoa. Mengenali dan mendengar kesaksian mereka benar-benar memperlihatkan keagungan kasih Tuhan kepada kita.

Daripada pertemuan ini, saya menyedari bahawa dengan berdoa setiap hari, kita boleh membina hubungan yang lebih kuat dengan Tuhan.

"Dalam dunia yang penuh dengan gangguan, mudah untuk hilang fokus pada iman kita," kata Alysyia Samantha, rakan kepada Irene.

"Pada mulanya saya teragak-agak untuk datang ke sini," kata Valerie Grace.

"Tetapi selepas pertemuan, saya berasa ini adalah hari terbaik dalam hidup saya dan mendorong saya untuk berubah menjadi lebih baik." — **sumber Today's Catholic**

St Teresa dari Avila berkata, "Ketika bibirmu berdoa tetapi fikiranmu tertuju pada urusan duniaawi, itu bukan berdoa kerana hati serta fikiran kita tidak tertumpu kepada Tuhan."

Sr Karen berkongsi bahawa dalam doa, dia bertemu dengan Tuhan dan ia adalah pertemuan yang indah.

Dua orang aspiran Karmelit, Sr Caroline Lai and Sr Jocelyn Lai berkongsi bahawa dalam menyahut panggilan menjadi biarawati Karmelit, mereka menghadapi kesukaran meninggalkan keseronokan media sosial. Namun tabiat itu dapat dihakis den-

# Sri Paus kepada para religius: Lihat Tuhan pada wajah orang miskin

ROMA: Sri Paus Fransiskus bertemu dengan para pemimpin empat kongregasi religius yang sedang mengadakan perhimpunan umum mereka di Roma.

Bapa Suci bertemu dengan perwakilan dari kongregasi *Sisters Missionary Dominican of Saint Sixtus*, *Sisters of the Sacred Heart of Jesus*, *Sisters of the Presentation of Mary Most Holy in the Temple*, dan *Society of Divine Vocations*.

Prelatus itu menyatakan rasa terima kasihnya atas dedikasi dan pelayanan mereka terhadap Gereja. Kemudian, beliau menyampaikan refleksi tentang kepentingan kebijaksanaan, menekankan bahawa ia adalah penting bagi setiap kongregasi religius serta individu.

"Kebijaksanaan adalah sebahagian daripada kehidupan, sama ada pada masa-masa penting yang melibatkan keputusan besar atau dalam keputusan harian kita".

"Kebijaksanaan menuntut dan memerlukan

sikap mendengar Tuhan, kepada diri sendiri dan kepada orang lain. Ia ialah satu proses yang memerlukan doa, renungan, kesabaran, keberanian dan pengorbanan."

Sri Paus Fransiskus menggesa para religius tersebut untuk membantu golongan muda memahami bahawa "menjadi bebas bermakna mengambil risiko untuk memulakan jalan tertentu, dengan kebijaksanaan dan keberanian untuk berkembang dan maju dalam melayani, mencari kebahagiaan dengan mengasih orang lain selaras dengan rancangan Tuhan."

Sri Paus Fransiskus kemudiannya beralih kepada topik pembentukan. Prelatus itu mengakui bahawa ini adalah misi biasa dan dikongsikan di kalangan religius.

Bapa Suci menggambarkan kehidupan religius sebagai "jalan pertumbuhan ke arah kekudusan yang merangkumi seluruh kehidupan" serta menggalakkan para religius untuk bertekun dalam doa, kehidupan sakramen dan hubungan dengan Kristus.



Katanya, "hanya mereka yang cukup rendah hati akan menyedari bahawa mereka sentiasa 'dalam pembentukan' dan Bapa Suci juga berharap agar mereka boleh menjadi 'pembentuk yang baik kepada orang lain.'"

Pada akhir pertemuan, Bapa Suci bercakap

tentang amal kebajikan. Beliau mengingatkan para religius akan kebajikan pengasas mereka seperti Sta Madeleine Sophie Barat dan Venerable Maria Antonia Lalia yang melayani golongan memerlukan tanpa lelah. — media Vatikan



## Perwakilan pelbagai agama Indonesia tekad lindungi alam

JAKARTA: Sekumpulan wakil pelbagai agama di Indonesia telah mengeluarkan deklarasi bersama untuk melindungi "bumi sebagai rumah bersama kita" menjelang lawatan Sri Paus Fransiskus ke negara majoriti Muslim itu bulan depan.

Pengisytiharan itu dikeluarkan selepas para wakil agama bertemu di sebuah kuil Hindu di Jakarta pada Ogos 14. Perwakilan Katolik, Protestan, Muslim, Hindu, Buddha dan Baha'i menghadiri dialog tersebut.

Program antara agama itu juga mengalukan kehadiran Fr Massimo Fusarelli, pemimpin umum *Order of Friars Minor*, yang biasanya dikenali sebagai Fransiskan.

Deklarasi bersama para pemimpin agama menyatakan komitmen mereka untuk menjaga bumi "dengan merealisasikan gaya hidup berjimat cermat dan menghormati

kesucian atau kekudusan alam."

Mereka juga berikrar untuk "mewujudkan persekitaran yang bersih, sihat dan mampan dan memastikan bahawa hak orang asli serta generasi akan datang serta kesejahteraan bumi dilindungi dan dipelihara."

Fr Yohanes Kristoforus Tara, dari bahagian advokasi Komisi Keadilan, Keamanan dan Integriti Penciptaan Fransiskan berkata komitmen bersama pemimpin agama akan membantu "usaha kegiatan pembelaan kami dalam perlombongan, tenaga geotermal dan isu-isu lain."

"Kami juga ingin mengajak lebih ramai orang memahami bahawa masalah ekologi ialah masalah kemanusiaan, seperti yang selalu ditekankan oleh Gereja," katanya kepada UCA News.

## Forum Keamanan Katolik gesa dunia bebas nuklear

NAGASAKI: *Pax Christi* Korea, dengan kerjasama *Pax Christi International* dan Amerika Syarikat, serta Pergerakan Antarabangsa Pelajar Katolik, menganjurkan Forum Keamanan Katolik Nagasaki yang pertama di Jepun pada Ogos 10 lalu.

Seramai 40 peserta dari Korea, Jepun dan Amerika Syarikat menyertai acara yang jatuh pada Ulang Tahun ke-79 pengebom atom dan Ulang Tahun pertama Kerjasama Dunia Tanpa Senjata Nuklear.

Anselmo Lee, Presiden Bersama *Pax Christi* Korea, memulakan forum dengan membincangkan konteks sejarah dan menggariskan peta perjalanan dari Tahun Jubli hingga Hari Belia Sedunia 2027.

Uskup Agung Nakamura menekankan kepentingan usaha bersama untuk keamanan dan peringatan pengebom atom.

Forum itu menampilkan pelbagai sesi di mana penceramah membincangkan usaha diplomatik, gerakan keamanan di Korea Selatan dan strategi untuk mempromosikan Perjanjian 2017 mengenai Larangan Senjata Nuklear.

Perbincangan itu juga meneroka bagaimana acara akan datang seperti Hari Belia Sedunia 2027 di Seoul boleh menjadi platform menggalakkan keamanan.

Rayuan Nagasaki untuk Keamanan menyru kerjasama yang lebih kukuh antara organisasi keamanan Katolik dan kumpulan belia serta menyokong ratifikasi perjanjian nuklear.

Dokumen ini akan diterima pakai secara rasmi pada penghujung Ogos dan disampaikan kepada Sri Paus Fransiskus pada September 20 sempena ulang tahun ke-100 *Pax Romana*. — UCA News



## Pemimpin ekumenikal bersidang bicara konflik di Tanah Suci

YERUSALEM: Dalam menghadapi keganasan yang semakin meningkat di Gaza, Tebing Barat dan utara Israel, organisasi Gereja mengadakan pertemuan perpaduan secara maya pada Ogos 7 dan 8 lalu.

Menurut Majlis Gereja Sedunia (WCC) dan rakan kongsinya, termasuk Majlis Gereja Timur Tengah, ACT Alliance dan Caritas Internationalis, pertemuan dalam talian itu bertujuan untuk memupuk keamanan dan menangani keperluan mendesak di rantau itu.

Acara maya itu pada mulanya bertujuan untuk menjadi lawatan ke lokasi pada Ogos 5-9 tetapi kemudiannya diputuskan untuk dilakukan dalam talian atas alasan keselamatan di tengah-tengah konflik yang semakin meningkat.

Rev Jerry Pillay, Setiausaha Agung WCC,



*Konflik berterusan Israel-Palestine mengakibatkan kematian dan penderitaan di kalangan rakyat yang tidak bersalah.*

menyatakan kekecewaan atas pembatalan lawatan secara peribadi, khususnya ke Gaza dan menyatakan kerisauannya terhadap situasi mengerikan yang dihadapi oleh penduduk tempatan.

"Dunia perlu berhenti, mendengar dan masyarakat antarabangsa perlu lebih bertindak balas. Kita perlu melibatkan diri demi menghentikan penderitaan ini," kata Pillay.

Sepanjang sesi, pelbagai pemimpin

berkongsi pandangan mereka. Peter K. Nasir, Setiausaha Agung YMCA Yerusalem Timur, menekankan tahap kekecewaan dan trauma yang tidak pernah berlaku sebelum ini di kalangan kanak-kanak Palestine.

"Ramai yang berasa tidak dilindungi dalam menghadapi ketidakadilan yang berterusan," kata Nasir, sambil menekankan kewajipan Kristian untuk menentang ketidakadilan tersebut.

Alistair Dutton, Setiausaha Agung Caritas Internationalis, menunjukkan krisis kemanusiaan yang teruk Israel-Palestine.

"Mereka sudah meninggalkan rumah mereka. Mereka juga hanya dapat berpindah dari satu tempat ke tempat lain di Semenanjung Gaza... Tidak ada kata yang dapat menggambarkan tahap penderitaan mereka," katanya. — media Vatikan

ANGELUS BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS

PENULIS BERKICAU

# Iman sejati membukakan hati dan fikiran

VATIKAN: Semasa memimpin doa Angelus pada tengah Ogos 11 lalu, Sri Paus Fransiskus menyampaikan renungan Injil hari itu yang dipetik dari Yohanes 6:41-51.

Bapa Suci Fransiskus menyatakan bahawa orang-orang pada zaman Yesus enggan mempercayai firman-Nya bahawa Dia telah “turun dari syurga.”

Ini kerana mereka mengenali ayah dan ibu-Nya, serta profesion-Nya sebagai tukang kayu. Oleh sebab itu, mereka meragui bahawa Tuhan dapat menyatakan diri-Nya dengan cara yang biasa dan biasa.

“Iman mereka terbantut kerana prasangka mereka tentang asal-usul-Nya yang sederhana dan oleh sebab itu, mereka beranggapan bahawa mereka tidak mempunyai apa-apa untuk belajar daripada-Nya. Sesungguhnya hati yang keras menghalang pertumbuhan rohani,” tegas Sri Paus Fransiskus.

Sri Paus menyatakan betapa teruknya prasangka dan tindakan menutup hati yang boleh menjelaskan pertumbuhan rohani seseorang.

Prelatus itu menerangkan bahawa orang-orang pada zaman Yesus, seperti yang diceritakan dalam Injil Yohanes, ialah orang-orang yang mematuhi hukum, taat berdoa dan berpuasa tetapi mereka melakukan amalan ini mengikut akal fikiran mereka.

“Ini dapat dilihat melalui fakta bahawa



mereka tidak bersungguh-sungguh meminta penjelasan daripada Yesus,” katanya.

“Mereka membatasi diri mereka, bersungut-sungut sesama mereka yang bertujuan meyakinkan satu sama lain tentang apa yang mereka percaya, mereka menutup diri mereka sehingga menjadi benteng yang tidak dapat ditembusi.”

Hati dan prasangka mereka yang keras, kata Sri Paus, menghalang mereka daripada percaya kepada Yesus.

Bapa Suci memberi peringatan bahawa orang-orang yang menutup pintu hati mereka daripada menerima Yesus, boleh berlaku kepada kita apabila kita berdoa tetapi mengikut keyakinan dan penghaki-

man kita sendiri.

“Iman dan doa yang benar membuka minda dan hati mereka tidak menutup hati mereka terhadap Tuhan,” pesan Sri Paus Fransiskus.

Bapa Suci juga memperingati ulang tahun ke-79 pengeboman atom Nagasaki dan Hiroshima yang masing-masing membunuh 70,000 orang dan 140,000 orang serta menamatkan Perang Dunia II.

Prelatus itu juga mengajak para penziaroh memperbaharui doa keamanan, terutama untuk Ukraine, Timur Tengah, Palestine, Israel, Sudan dan Myanmar yang terseksa. — media Vatikan

## Mengatasi keputusasaan

**S**i Jahat tumbuh subur di atas keputusasaan kita. Dia tidak akan berhenti menggoda kita untuk berputus asa misalkan dia akan terus berbisik: Projek ini susah untuk selesai. Anda selalu menimbukan masalah. Anda tidak akan pernah mengatasi dosa ini. Anda tidak akan pernah menjadi baik

Bagaimana mengatasi rasa mudah putus asa? Pertimbangkanlah cara-cara berikut:

**Kerap terima Ekaristi dan Pengakuan:** Rahmat Sakramental menguatkan kita terhadap keputusasaan. Kerap mengaku boleh membantu dalam dialog formatif tentang bagaimana kita boleh mengatasi godaan. Menerima Ekaristi membawa kita ke dalam persekutuan dengan Dia yang ialah Kasih.

**Lepaskan dan mulakan sekali lagi:** Sri Paus Yohanes XXIII terkenal dengan cara yang boleh kita tiru. Prelatus itu bekerja keras setiap hari dan setiap kali sebelum tidur, dia berbual dengan Tuhan, “Baiklah Tuhan, ini Gerejamu, kamu uruskan; saya mahu tidur!”

**Buat tindakan iman dan percaya:** Terapkan kata-kata seperti “Yesus, saya percaya kepada-Mu” atau “Tuhan saya percaya, tolonglah ketidakpercayaan saya.” Aksi ini meningkatkan kepercayaan kita dan menyatakan pilihan kita untuk mengasihi Tuhan walaupun pada waktu tidak menyenangkan.

### Setia pada komitmen berdoa

Kita kalah terhadap si jahat apabila kita berhenti berdoa kerana berasa doa kita tidak didengari Tuhan. St Ignatius dari Loyola selalu menasihati para peserta retret untuk terus bermeditasi meskipun meditasi itu kelihatan tidak menghasilkan apa-apa. Kesetiaan kita berdoa akan menghasilkan buah yang kekal.

### Lekatkan Firman Tuhan di manamana:

Baca Kitab Suci Apabila “berita buruk” yang memenuhi media mula mempengaruhi semangat dan fikiran anda.

Beralihlah kepada “berita baik” tentang kasih Tuhan yang melimpah ruah. Kelilingi diri anda dengan sabda kebenaran Yesus dengan meletakkan ayat-ayat berkuasa itu pada botol air, cermin meja solek, buku, layar skrin telefon sebagai peringatan berterusan.

### Kotak pujian dan penghargaan:

Apabila anda tergoda kepada pemikiran atau perkataan yang mengecewakan, beralihlah kepada kesyukuran. Mungkin anda boleh membuat “Kotak Puji” dengan ayat-ayat Kitab Suci yang menyatakan kebaikan Tuhan untuk ditarik keluar apabila diperlukan.

### Belajar daripada kesilapan

Selalunya kita meletakkan diri kita pada standard yang berbeza daripada Tuhan. Kesempurnaan dunia ialah matlamat manusia tetapi bukan keinginan ilahi.



Daripada membiarkan kesilapan anda terus mengheret ke lembah yang tidak diketahui, ubahnya menjadi resolusi. Sta Elizabeth dari Trinity, dalam surat kepada saudara perempuannya Guite, menulis: “Tuhan tidak mahu ada kesedihan dalam jiwamu tentang apa yang tidak dilakukan untuk Dia. Dia ialah Juruselamat; misi-Nya ialah untuk mengampuni. Anda mesti memadamkan kata putus asa dari kamus cintamu.”

### Rakan atau mentor

Cari rakan atau mentor yang anda percaya untuk selalu memeriksa dengan kerap tentang perjuangan yang anda hadapi. Meluahkan atau bercerita dengan seseorang yang dipercayai, boleh membantu membendung fikiran jahat dan mengembangkan kebajikan. — Aleteia

## Anak merdeka!

Menjelang Hari Kemerdekaan 2024, saya ingin berkongsi beberapa harapan yang sebenarnya diinspirasikan daripada perbualan saya dengan rakan-rakan pelbagai agama dan bangsa.

Semoga Pemimpin politik bersatu agar rakyat juga boleh bersatu. Pemimpin ialah teladan, jika mereka tidak bekerjasama, saling melemparkan kata-kata kesat kepada pihak lawan di media, rakyat juga melakukan perkara yang sama.

Semoga kesedaran politik di kalangan kaum muda. Seperti kata Sri Paus Fransiskus, disebabkan politik sering dikaitkan dengan perilaku buruk misalnya rasuah, tidak bertanggungjawab, hanya tahu bercakap tetapi tidak ada tindakan maka ramai yang mahu mengelakkan diri dari politik.

Tetapi, menurut kata Sri Paus, ialah pemimpin politik sekarang berjuang demi keamanan dan keharmonian. Oleh itu, jika orang khususnya kaum muda yang terlibat dalam politik baik, maka ia boleh menyumbang kepada keamanan, kesaksamaan dan pembelaan bagi kaum miskin!

Semoga peluang pekerjaan di negara ini tidak digantikan oleh kecerdasan buatan (AI). Kita semakin menyedari, restoran segera, lapangan terbang antarabangsa, bidang perindustrian dan sebagainya semakin banyak yang menggunakan AI.

Contohnya semasa di sebuah restoran makanan segera, tidak ada kakitangan di ruang makan, hanya mesin layan diri AI. Buat seketika, keadaan menjadi kurang menyenangkan kerana masih ialah yang mahu bantuan individu, bukan AI.

Orang Kurang Upaya yang sebenarnya boleh bekerja. Tetapi tugas mereka telah diambil alih oleh AI.

Semoga syarikat-syarikat besar dapat mempertimbangkan nasib golongan OKU kerana mereka juga mahu menyumbang sesuatu untuk diri mereka sendiri, untuk keluarga dan negara.

Semoga pada Hari Kemerdekaan ini juga anak-anak muda sentiasa mengenang dan bersyukur kerana hasil dari pengorbanan dan darah moyang kita, kita dalam hidup aman di tanah bertuah ini. Maka, semoga cuti sempena Hari Kemerdekaan dapat diisi dengan menghadiri Misa Kudus Hari Merdeka atau mengadakan doa rosari di rumah atau bersama KKD/KED.

Tema sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2024, Malaysia MADANI: Jiwa Merdeka. Masihkah kita ingat ENAM nilai utama yang menyokong Malaysia Madani? Tidak? Tidak mengapa. Kita manusia biasa yang mudah lupa. Oleh sebab itu, mari kita cuba menghayatinya ENAM teras Malaysia Madani iaitu: kemapanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan, dan ihsan!

Ramai orang yang mengeluh kerana ada banyak pertanyaan AI bukan manusia, ia sekadar mesin, jadi ada pertanyaan pelanggan/individu yang tidak dapat dijawab oleh AI.

Semoga negara kita bebas dari pencemaran sampah dan semua rakyat dapat bekerjasama untuk memulihara bumi, tempat tinggal kita bersama. Gereja di Malaysia telah melancarkan kempen PROTEC selama lima tahun yang bermula pada tahun 2020.

Pada hari kemerdekaan, kini kempen PROTEC akan memasuki tahun keempat dengan tema: Kurangi penggunaan kertas dan kayu. Ini mencerminkan usaha Gereja yang mahu membina kesedaran di kalangan umat untuk memikul tanggungjawab mereka sebagai penjaga bumi.

Semoga kepelbagai agama dan adat resam sesuatu kaum haruslah dihormati dan dipelihara, setiap individu berhak mengamalkan adat resam kaum masing-masing dengan harmoni seperti cara mereka berpakaian, amalan agama dan perayaan.

Sesungguhnya, semua harapan yang saya coretkan ini ialah harapan umum bagi rakyat Malaysia.

Bagi saya, semua harapan ini ialah doa yang baik. Marilah kita, umat Katolik bersama-sama berusaha menjadikan Malaysia negara yang aman, sejahtera dari segi politik dan ekonomi serta bersih. Jika sesuatu berlaku kepada negara tercinta kita, ke mana lagi kita mahu pergi?

Selamat Hari Kebangsaan kepada semua.

# Membakut, rai pentahbisan imamat Friar Nelson Sipalan OFM

**MEMBAKUT:** Akhirnya selepas 44 tahun setelah pentahbisan pertama di St Patrick Membakut pada tahun 1980, seorang pemuda ditahbis sebagai paderi Fransiskan (OFM) pada Ogos 11, 2024.

Lebih 1,500 orang dari Keuskupan Keningau, Kota Kinabalu, Sandakan dan Sarawak menyaksikan ritus pentahbisan imamat yang dipimpin oleh Uskup Cornelius Piong.

Friar William Nelson Evarinus Sipalan (OFM), 42, mengambil petikan Yesaya 6:8 sebagai tema pentahbisan: Setelah itu, ku dengar suara Tuhan berfirman, "Siapakah yang akan ku utus? Siapakah yang mahu pergi bagi kita?" Maka kata ku, "Ini aku, uteruslah aku!"

Dalam ucapannya selepas ditahbis mengatakan, Friar Nelson mengatakan, "Saya telah mendengar panggilan Tuhan dan dengan hati yang terbuka, saya menjawab, "Here am I. Send me! Saya berdoa agar Tuhan terus memberi saya kekuatan dan kebijaksanaan dalam menjalankan tugas imamat ini dengan penuh kasih dan dedikasi."

Orang kuat sempena Misa Pentahbisan Imamat Friar Nelson, Fr Boniface Kimsin yang juga paderi paroki St Patrick, Membakut



mengatakan, "pentahbisan imamat anak watan dari Kg Sinoko, Membakut pada hari ini merupakan sejarah kerana sudah 44 tahun tidak ada pentahbisan imamat di paroki ini."

Friar Nelson ialah paderi ketiga di paroki ini. Meskipun Fr Saimon William merupakan paderi kedua dari Membakut namun pentahbisannya diadakan di Kota Kinabalu," jelas Fr Boni yang juga berharap pentahbisan imamat Fr Nelson dapat mengobarkan semangat para belia agar berani menyahut panggilan Tuhan.

Friar Nelson dilahirkan pada Mac 8,

1982 oleh pasangan Evarinus Sipalan dan Stehphanis bte Binsin. Beliau merupakan anak keempat dari sembilan orang adik-beradik.

Sebelum menyertai Fransiskan, Friar Nelson bekerja dalam industri perhotelan selama 12 tahun di resort antarabangsa lima bintang.

Melalui inspirasi daripada karya rohani Sto Fransiskus dari Assisi, Friar Nelson ter dorong untuk menyertai Ordo *Friars Minor* (OFM) sebagai postulan pada Januari 5, 2015 di St James the Marches Johor Bahru.

Selepas banyak berdoa, dalam tahun ketujuh beliau sebagai Fransiskan, Nelson memutuskan untuk menyerahkan hidupnya sebagai Friar Fransiskan dengan melafazkan kaul kekal pada Julai 9, 2022 di Gereja St Aloysius di Limbanak, Penampang.

Friar Nelson telah memimpin Misa Kudus pertamanya di St Philip, Kg Sinoko, Membakut.

Kini, Friar Nelson melayani sebagai pembantu paderi paroki di St Ann Kota Padawan, Kuching, Sarawak bermula Ogos 15, 2024 yang lalu.

## Majlis Graduasi 22 pelarian dalam kesihatan komuniti

**KUALA LUMPUR:** Majlis graduasi bagi kumpulan pelarian Pekerja Mahir Kesihatan Komuniti 2024 (CHW) dalam Kesihatan Mental telah disambut pada Ogos 3 di YMCA.

Seramai 22 pelarian dari Myanmar, Afghanistan, Yemen dan Sudan Selatan dilatih oleh NGO *Health Equity Initiatives* (HEI).

Majlis tersebut telah dihadiri oleh ahli-ahli HEI, keluarga dan rakan-rakan graduan, pemimpin dan wakil daripada pelbagai komuniti etnik pelarian di Malaysia, wakil NGO Malaysia dan antarabangsa yang bekerja dengan pelarian di negara ini.

Majlis dimulakan dengan perarakan graduasi. Kemudian, Alice Tan, pengarah eksekutif IPT, menyampaikan ucapan alu-aluan serta memperkenalkan program-program



latihan di bawah HEI.

Prof Dr Xavier V. Pereira, pengasas bersama dan pengarah HEI, menyampaikan ucapan tama serta mengucapkan tahniah kepada para graduan dan pasukan HEI atas usaha mereka dalam menyempurnakan lati-

han.

Beliau menggesa para graduan untuk menggunakan pengetahuan dan kemahiran mereka untuk berkhidmat kepada masyarakat.

HEI diasaskan bersama oleh pasangan

Katolik, Dr Sharuna Verghis dan Dr Xavier Pereira pada 2007 – 2008.

Program pertama yang dijalankan oleh HEI ialah Latihan Pelarian mengenai Kesihatan Mental Komuniti pada tahun 2008, dengan sokongan UNHCR dan mendiang Fr Phillips Muthu, yang menyediakan tempat latihan di Gereja Assumption, Petaling Jaya.

Sejak 2008, HEI yang merupakan NGO Kesihatan dan Hak Asasi Manusia serta organisasi berdasarkan komuniti (CBO), telah menyediakan perkhidmatan kesihatan mental yang komprehensif kepada golongan pelarian.

Perkhidmatan itu merangkumi perkhidmatan sokongan psikososial, kaunseling dan campur tangan berdasarkan psikologi dan rawatan psikiatri.



## Bukit Salib Kudus, pusat ziarah untuk paroki Sook

**RANCANGAN BELIA, Sook:** Sebuah tempat di atas bukit pada mulanya dibuka sebagai tempat berdoa. Tanpa disangka, beberapa tahun kemudian, disebabkan lokasinya yang menarik, Uskup Cornelius Piong menyarankannya agar bukit itu dijadikan sebuah pusat ziarah.

Pada Ogos 10 lalu, Uskup Cornelius bersama paderi paroki Roh Kudus Sook, Fr Clement Abel, memberkati Baloi Bonda Maria dan Grotto Bonda Maria yang terletak di *Nuluhan Salib Tobitua* (Bukit Salib Kudus/NST).

NST terletak di Zon Rancangan Belia, di

bawah jagaan paroki Roh Kudus. Baloi dan Grotto Bonda Maria dibina di atas bukit yang boleh dicapai dengan mendaki lebih 500 anak tangga.

Pemberkatan dimulakan sebelum Misa Kudus oleh Uskup Cornelius Piong.

"Syukur, pada hari ini kita mempunyai kesempatan untuk memberkati tempat ini, maka gunakanlah tempat ini sebaiknya untuk bertumbuh dalam iman," kata Uskup Cornelius.

Prelat itu juga mengajak umat di paroki itu agar menggunakan tempat itu untuk berdoa dan berdevosi kepada Santa Perawan Maria.

Ketua Keuskupan Keningau itu berkongsi, "Pada awal tahun penubuhan Keuskupan Keningau, salah satu doa yang saya selalu lafazkan ialah doa kepada Bonda Maria kerana peranannya sebagai pengantara kita kepada Tuhan."

Fr Clement Abel pula dalam ucapannya menerangkan bahawa dalam "Kitab Suci, bukit, sering dijadikan sebagai tempat kehadiran Tuhan misalnya dalam kisah Musa dan Yesus yang sering naik ke bukit untuk berdoa. Maka sesuailah Bukit Salib Kudus ini dijadikan tempat untuk berdoa." — *Juanis bin Marcus*